



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA,
MEI 2026**

**Jualan sektor Pembuatan berkembang 8.9 peratus, berjumlah
RM172.7 bilion pada Mei 2026**

PUTRAJAYA, 9 JULAI 2026 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, MEI 2026**. Penerbitan ini memaparkan statistik nilai jualan, bilangan pekerja dan gaji & upah bagi sektor Pembuatan.

Dalam kenyataan hari ini, DOSM menyatakan bahawa sektor Pembuatan mencatatkan nilai jualan RM172.7 bilion pada Mei 2026, tumbuh 8.9 peratus, sedikit perlahan berbanding 9.1 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam subsektor Peralatan elektrik & elektronik sebanyak 26.4 peratus pada Mei 2026 (April 2026: 13.4%). Selain itu, pertumbuhan ini turut disokong oleh subsektor Produk Petroleum, kimia, getah & plastik dan subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka, yang masing-masing meningkat sebanyak 4.9 peratus (April 2026: 4.5%) dan 6.4 peratus (April 2026: 6.6%). Perbandingan bagi bulan ke bulan, nilai jualan menyusut 1.4 peratus, dari RM175.1 bilion pada April 2026.

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 73.1 peratus daripada jumlah jualan, melonjak 12.5 peratus pada Mei 2026 (April 2026: 9.9%). Prestasi ini ditunjangi oleh peningkatan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal pada 30.9 peratus (April 2026: 15.2%). Selain itu, Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis juga mencatatkan kenaikan 8.6 peratus (April 2026: 5.9%), sementara Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. tumbuh 5.2 peratus (April 2026: 5.6%). Berbanding pada bulan sebelumnya, nilai jualan industri berorientasikan eksport meningkat 1.9 peratus.

Pada masa yang sama, industri berorientasikan domestik meningkat marginal sebanyak 0.2 peratus pada Mei 2026, selepas mencatatkan 7.4 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam Pembuatan produk berasaskan bahan binaan iaitu, Pembuatan logam asas yang meningkat 7.4 peratus pada Mei 2026 (April 2026: 5.3%) dan Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan (5.9%). Sebaliknya, industri berorientasikan domestik jatuh 9.3 peratus, berasaskan pertumbuhan bulan ke bulan.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, DOSM memaklumkan bahawa sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Mei 2026, bertambah sebanyak 1.1 peratus (April 2026: 1.2%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.1%); diikuti dengan pertumbuhan subsektor subsektor mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.7%) dan Produk Peralatan elektrik & elektronik (1.5%). Sementara itu, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang 0.2 peratus bagi perbandingan bulan ke bulan.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan pengembangan 2.9 peratus (April 2026: 3.1%), berjumlah RM8.56 bilion pada Mei 2026. Berbanding jumlah yang direkodkan pada bulan sebelumnya, gaji & upah yang dibayar menyusut 0.05 peratus. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM71,184 (7.7%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,529, bertambah baik sebanyak 1.8 peratus tahun ke tahun.


Merumuskan lagi prestasi bagi sektor Pembuatan, nilai jualan kumulatif lima bulan pertama tahun 2026 merekodkan RM849.3 bilion, tumbuh 6.9 peratus (Januari - Mei 2025: 3.8%). Bilangan pekerja meningkat 1.1 peratus kepada 2.4 juta orang, sementara gaji & upah tumbuh 2.6 peratus kepada RM43.0 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM350,082, meningkat 5.7 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Mei 2025 - Mei 2026**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,
April dan Mei 2026**



**Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi
Sektor Pembuatan, Malaysia, Mei 2025 – Mei 2026**



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport dan Domestik Mengikut Kumpulan, April dan Mei 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2026

Sales in the Manufacturing sector expanded 8.9 per cent, amounted to RM172.7 billion in May 2026

PUTRAJAYA, 9th JULY, 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2026**. This publication consists of statistics on sales value, number of employees and salaries & wages of Manufacturing sector.

In a statement today, DOSM stated that the Manufacturing sector posted sales value of RM172.7 billion in May 2026, grew 8.9 per cent, slightly slower than 9.1 per cent recorded in the preceding month. The growth was mainly contributed by the significant increase in the Electrical & electronics products sub-sector by 26.4 per cent in May 2026 (April 2026: 13.4%). Besides that, this was further supported by the Petroleum, chemical, rubber & plastic products sub-sector and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sector, which increased by 4.9 per cent (April 2026: 4.5%) and 6.4 per cent (April 2026: 6.6%), respectively. In comparison by month-on-month, sales value declined by 1.4 per cent, from RM175.1 billion in April 2026.

Sales value growth in the export-oriented industries which accounting for 73.1 per cent of total sales, surged by 12.5 per cent in May 2026 (April 2026: 9.9%). The performance was led by the increase in the Manufacture of computer, electronics & optical products at 30.9 per cent (April 2026: 15.2%). Moreover, the Manufacture of coke & refined petroleum products also registered an increment at 8.6 per cent (April 2026: 5.9%), while Manufacture of machinery and equipment n.e.c. grew 5.2 per cent (April 2026: 5.6%). As compared to the previous month, sales value of the export-oriented industries increased 1.9 per cent.

In the meantime, the domestic-oriented industries increased marginally by 0.2 per cent in May 2026, after registered 7.4 per cent in the previous month. The performance was mainly supported by the growth in the Manufacture of construction materials related products as Manufacture of basic metals which increased 7.4 per cent in May 2026 (April 2026: 5.3%) and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (5.9%). Otherwise, the domestic-oriented industries dropped 9.3 per cent, based on month-on-month growth.

Commenting on the number of employees, DOSM informed that the total of 2.4 million employees were recorded in this sector during May 2026, augmented by 1.1 per cent (April 2026: 1.2%). The augmentation was mainly driven by the Food, beverages & tobacco (2.1%); followed by the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sector (1.7%) and Electrical & electronics products sub-sector (1.5%). Meanwhile, the number of employees in this sector decreased 0.2 per cent on month-on-month comparison.

Correspondingly, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector also posted an expansion of 2.9 per cent (April 2026: 3.1%), amounted to RM8.56 billion in May 2026. As compared to the amount recorded in the prior month, the salaries & wages paid declined 0.05 per cent. Subsequently, the sales value per employee registered at RM71,184 (7.7%), while the average salaries & wages per employee was RM3,529, improved by 1.8 per cent year-on-year.


Concluding the performance for the Manufacturing sector, the cumulative sales of the first five months 2026 recorded RM849.3 billion, grew 6.9 per cent (January - May 2025: 3.8%). The number of employee uptick by 1.1 per cent to 2.4 million persons, while salaries & wages grew by 2.6 per cent to RM43.0 billion. Furthermore, the sales value per employee stood at RM350,082, increased 5.7 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector, Malaysia
May 2025 – May 2026**



**Chart 2: Growth of Manufacturing Sales Value by Sub-sector, Malaysia,
April and May 2026**



**Chart 3: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for
Manufacturing Sector, Malaysia, May 2025 – May 2026**





Chart 4: Sales Value of Manufacturing Export and Domestic-Oriented Groups, April and May 2026



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 JULY 2026